

Anugerah Pendeta Bangsa Melayu untuk Dr M

BH 8/10/03

KOTA KINABALU: Seminar Pemikiran Dr Mahathir di sini semalam membuat ketetapan untuk menganugerahkan Perdana Menteri dengan gelaran Pendeta Bangsa Melayu.

Gelaran itu diberikan kepada Dr Mahathir selaku anak Melayu yang banyak berjasa terhadap pembangunan negara dan bangsa sepanjang mentadbir negara ini lebih 20 tahun lalu.

Ketetapan itu diperakukan Ketua Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah, Datuk Musa Aman selepas merasmikan penutupan majlis itu di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Sabah, Teluk Likas.

Seminar Pemikiran Dr Mahathir selama sehari itu disertai kira-kira 150 intelek muda mewakili pelbagai organisasi, termasuk pelajar institut pengajian tinggi dan parti politik.

Ia dianjurkan Jabatan Hal Ehwal Khas Sabah bagi menyahut hala tuju yang diperkenalkan Musa sejeurus memegang jawatan Ketua Menteri pada 27 Mac lalu.

Dalam perkembangan sama, Musa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah berkata kerajaan negeri akan berbincang mengenai pengiktirafan yang sesuai dianugerahkan kepada Dr Mahathir selepas bersara.

"Kita memang mempunyai rancangan dan perkara itu akan diputuskan dalam mesyuarat Kabinet nanti. Buat masa ini kita tidak dapat nyatakan," katanya.

Sementara itu, Musa berkata Perdana Menteri dijadualkan tiba di Kota Kinabalu jam 10.30 pagi ini bagi lawatan rasmi sehari.

Sejeurus tiba, Dr Mahathir akan mendengar taklimat pembangunan Sabah, disusuli sembahyang Jumaat di Masjid Bandaraya Likas kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Selepas itu, beliau akan menghadiri majlis makan tengah hari bersama anggota Kabinet Sabah dan ketua komponen BN negeri sebelum ke Pusat Kebudayaan Penampang, jam 3 petang untuk merasmikan Kongres Upko.

Ditanya kemungkinan BN Sabah mempunyai usul khas ketika pertemuan pada majlis jamuan tengah hari, Musa membayangkan akan menggunakan peluang itu untuk menyentuh mengenai perkara positif berkaitan Sabah.